

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	KL, SEOUL tubuh jawatankuasa kerjasama ekonomi	Berita Harian
2	Seoul harap KL bantu jaga keamanan, keselamatan	Berita Harian
3	Sepakat jalin kerjasama ekonomi	Utusan Malaysia
4	Malaysia, Korea selatan tingkat kerjasama forensik digital	My Metro
5	Malaysia dan Korea Selatan pertingkat kerjasama forensic digital	Bernama.com
6	UTP anjur persidangan saintifik ke-23 persatuan mikroskopi M'sia 2014	Bernama.com
7	Sultan Perak dahului 102 penerima darjah dan bintang kebesaran selangor	Bernama.com

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B1 & B2  
TARIKH : 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)



Najib pada mesyuarat dua hala bersama Geun-Hye (dua dari kanan) di Seoul, semalam.

[BERNAMA]

# KL, SEOUL

## TUBUH JAWATANKUASA KERJASAMA EKONOMI

» Malaysia, Korea Selatan perluas skop gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur

Daripada Ahmad Naim Tahir  
di Seoul

M alaysia dan Korea Selatan bertujuh menubuhkan jawatankuasa bersama dalam usaha memajukan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Malaysia akan diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, manakala bagi pihak Korea Selatan, belum diputuskan lagi, tetapi mungkin oleh menteri luarnya.

"Antara tumpuan jawatankuasa ini ialah melihat pelaksanaan gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur," katanya pada sidang media bersama media Malaysia, di Seoul, semalam.

**Sesi dialog**  
Najib yang juga Menteri Kewangan sebelum itu menghadiri sesi dialog bersama

pemimpin utama industri di Korea Selatan di sebuah hotel di sini dan mesyuarat dua hala bersama Geun-Hye di Istana Presiden, Rumah Biru.

Yang turut serta, Mustapa; Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi, Datuk Seri Dr Ewon Ebin; Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin; Utusan Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing dan Duta Besar Malaysia di Korea Selatan, Datuk Rohana Ramli.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara juga bersetuju supaya skop Dasar Pandang ke Timur diperluaskan dalam gelombang kedua yang turut mengandungi dokumen panduan bertemu kepada 12 bidang berkepentingan bersama.

● Bisnes B2

◎ RM2.4 BILION

pelaburan syarikat Korea di Bintulu

◎ 12 BIDANG

tumpuan gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur

## Kerjasama dua hala tumpu sektor strategik

● Dari Bisnes 1

"Tumpuan khusus kerjasama Malaysia dan Korea Selatan menerusi gelombang kedua ini kepada sektor strategik membabitkan bidang automotif hingga penyelidikan dan pembangunan (R&D) gunaan, selain pembangunan sumber manusia. Perincian lanjut sedang diusahakan oleh pegawai kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, ada syarikat Korea berminat melabur sehingga RM2.4 bilion dalam bidang petrokimia untuk mengeluarkan 'polyetherane' di Bintulu, Sarawak dengan sasaran memulakan operasinya tahun depan, tetapi bergantung kepada bekalan gas yang boleh disediakan oleh PETRONAS.

Begitu juga, syarikat Lotte-Titan Chemical yang sebelum ini melabur RM7.3 bilion dalam industri petrokimia di Pasir Gudang, Johor, turut berhasrat melabur antara RM10 hingga RM14 bilion untuk memperluaskan operasinya di Bintulu, tetapi perlu berbincang terlebih dulu dengan Petronas mengenai bekalan gas.

Selain itu, beliau berkata, syarikat gergasi elektronik Korea Selatan, LG Electronics bersama Proton Holdings kini dalam proses mengeluarkan kereta elektrik, Iriz.

"Ia dalam peringkat ujian, tetapi hasilnya setakat ini menggalakkan. Perlu buat beberapa keputusan sebelum kereta elektrik itu dapat dikomersialkan," katanya.

# Seoul harap KL bantu jaga keamanan, keselamatan

» Korea Selatan tertarik dengan amalan dasar kesederhanaan, progresif kita



Ahmad Naim  
Tahir  
ahmadnaim  
@bh.com.my


► Seoul

Korea Selatan berharap Malaysia memainkan peranan sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) untuk memastikan keamanan dan keselamatan Semenanjung Korea.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Presiden Korea Selatan, Park Geun-Hye menyatakan demikian pada mesyuarat dua hala delegasi kedua-dua negara di Istana Presiden, Rumah Biru, di sini semalam.

Najib yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini sehingga Jumaat, berkata Korea Selatan mahu jirannya, Korea Utara mematuhi resolusi ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), khususnya berkaitan program pembangunan nuklear.

"Ia (pembangunan nuklear) adalah satu perkara yang dunia perlu tekankan supaya Korea Utara patuhi segala resolusi yang ditetapkan oleh PBB,"



katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia, di sini semalam.

Beliau sebelum itu menghadiri sesi dialog bersama pemimpin industri Korea Selatan di sebuah hotel, di sini, yang diadakan selepas mesyuarat dua hala dengan Geun-Hye.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Ewon Ebin**; Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin; Utusan Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing serta Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Rohana Ramli.

Perdana Menteri yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan 25 Tahun Hubu-

ngan Dialog ASEAN-Korea Selatan di Busan, hari ini, berkata Geun-Hye juga kagum dengan kejayaan Malaysia memupuk keamanan dalam negara yang mempunyai rakyat berbilang bangsa dan agama.

## Tertarik dasar Malaysia

Katanya, Presiden Korea Selatan turut tertarik dengan amalan dasar progresif dan kesederhanaan oleh Malaysia yang diterima semua pihak.

Selain itu, beliau berkata, amalan yang berteraskan Islam oleh Malaysia juga dipuji kerana turut menjaga kepentingan semua pihak, termasuk kedudukan wanita yang dilihat lebih ke depan berbanding negara Islam lain.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, pelaksanaan gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur tidak

semestinya menyaksikan jumlah pelajar Malaysia yang dihantar belajar di negara ini, ditambah.

"Memang modal insan masih menjadi teras dasar ini, tapi kita juga bagi tumpuan kepada bidang strategik yang lain. Tak semestinya kita tambah jumlah pelajar untuk dihantar ke Korea, sebaliknya kita tempatkan pelajar ini dalam kursus strategik dan teknologi tinggi," katanya.

Ketika ini, katanya, seramai 589 pelajar Malaysia mengikuti pengajian di negara ini, berbanding 1,126 pelajar Korea Selatan di Malaysia.

"Presiden Korea Selatan juga mahu melihat bahasa mereka diajar di negara kita. Kementerian Pendidikan sudah menghantar guru kita ke sini untuk belajar bahasa Korea," katanya.

Geun-Hye bersalam dengan Najib sebelum mesyuarat dua hala delegasi kedua-dua negara di Istana Presiden, semalam.  
[FOTO EPA]

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**

Sebuah jawatankuasa ditubuh dengan skop luas mencakupi pelaksanaan gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur

# Sepakat jalin kerjasama ekonomi

■ SEOUL 10 DIS.

**M**ALAYSIA dan Korea Selatan bersetuju mewujudkan jawatankuasa kerjasama ekonomi bagi memajukan bidang-bidang kerjasama ekonomi dan pernligaan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara tersebut diputuskan pada pertemuan dua hala beliau bersama rakan sejawatnya, Presiden Korea Selatan, Park Geun-hye di Istana Presiden hari ini.

"Tujuannya, untuk (jawatankuasa itu) mengambil keputusan tertentu yang boleh memajukan bidang kerjasama ekonomi Malaysia-Korea Selatan dan skop jawatankuasa tersebut luas mencakupi pelaksanaan gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur (LEP)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akbar bersama wartawan Malaysia pada hari kedua lawatan rasminya ke Korea Selatan hari ini.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebong; Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainudin; Utusan Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing dan Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan, Datuk Rohana Ramli.

Najib berkata, di pihak Malaysia jawatankuasa kerjasama itu akan dipengerusikan oleh Mustapha, manakala Korea Selatan akan dipengerusikan wakil daripada Kementerian luar negara itu.

Beliau menambah, turut dipersejui pada pertemuan itu dokumentasi



HAMDEN  
RAMLI

Melaporkan dari SEOUL, KOREA



Tujuannya, untuk (jawatankuasa itu) mengambil keputusan tertentu yang boleh memajukan bidang kerjasama ekonomi Malaysia-Korea Selatan dan skop jawatankuasa tersebut luas mencakupi pelaksanaan gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur (LEP)."

"Kita juga ingin melihat LEP mengandungi kerjasama membatik bidang-bidang strategik selain pembangunan modal insan yang menjadi teras sebelum ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan itu Park turut menggalakkan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan menyatakan sokongan terhadap pemilihan negara sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertumbuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dalam hal itu, katanya, Park

mencadangkan mengandungi 12 bidang indikatif yang akan menjadi teras pelaksanaan gelombang kedua LEP kedua-dua negara.

"Kita juga ingin melihat LEP

mengandungi kerjasama membatik

bidang-bidang strategik selain

pembangunan modal insan

yang menjadi teras sebelum ini,"

katanya.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan itu Park turut menegaskan Malaysia sebagai galau-alukan Malaysia sebagai

Pengerusi ASEAN tahun depan

menyatakan sokongan terhadap

pemilihan negara sebagai ang-

gota tidak tetap Majlis Keselama-

natan Pertumbuhan Bangsa-bangsa

Bersatu (PBB).

Dalam hal itu, katanya, Park

mencadangkan mengandungi

12 bidang indikatif yang akan

jadi teras pelaksanaan gelombang

kedua LEP kedua-dua negara.

Najib berkata, Presiden Korea

Selatan itu turut menyatakan rasa

kagum dengan Malaysia sebagai

sebuah negara berbilang kaum, di

samping amalan kesederhanaan

dalam Islam yang mengambil kira

kedudukan semua pihak termasuk

wanita.

Sementara itu, berucap pada

majlis makan tengah hari di Istana

Presiden, Perdana Menteri memberitahu gelombang kedua LEP

bakal memberi lonjakan baharu

ke hubungan baik antara Ma-

laysia dan Korea Selatan.

Katanya, sepanjang tempoh lebih 30 tahun lalu, dasar tersebut telah menjadi asas kukuh dalam membentuk hubungan baik antara kedua-dua negara.

Sempena sambutan ulang tahun ke-55 hubungan Malaysia-Korea Selatan tahun depan, Perdana Menteri turut menyampaikan jemputan kepada Park melakukan lawatan rasmi ke Malaysia. - UTUSAN



NAJIB TUN RAZAK bersalam dengan Park Geun-hye semasa menghadiri mesyuarat delegasi dua hala di Blue House, Seoul, Korea Selatan, semalam. - BERNAMA

**BERITA ONLINE**  
**myMETRO**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**



## **Malaysia, Korea Selatan tingkat kerjasama forensik digital**

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Korea Selatan bersetuju memperkuatkan lagi bantuan kerjasama dalam bidang pembinaan keupayaan dan pembangunan profesional dalam forensik digital.

**Cybersecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan National Forensic Service (NFS) Korea Selatan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Korea Selatan pada Rabu bersempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke negara itu.**

**Cybersecurity Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Amirudin Abdul Wahab** dan NFS, Ketua Pengarahnya Joong Seok Seo.

**Majlis itu disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin,** kata Mosti dalam satu kenyataan hari ini.

Kerjasama di bawah MoU itu termasuk pertukaran personel bagi tujuan belajar, program latihan, pembekalan kelengkapan dan sumber, pembangunan kaedah analisis dan maklumat pertukaran akademik, kata kenyataan itu. - Bernama

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 10 Disember 2014 @ 11:16 PM  
- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/15173#sthash.E4s5Tzyu.dpuf>

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**



## **Malaysia Dan Korea Selatan Pertingkat Kerjasama Forensik Digital**

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Korea Selatan bersetuju memperkuatkan lagi bantuan kerjasama dalam bidang pembinaan keupayaan dan pembangunan profesional dalam forensik digital.

### **Cybersecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber kebangsaan di bawah**

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** dan National Forensic Service (NFS) Korea Selatan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Korea Selatan pada Rabu bersempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke negara itu.

### **Cybersecurity Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Amirudin Abdul Wahab** dan NFS, Ketua Pengarahnya Joong Seok Seo.

Majlis itu disaksikan oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**, kata Mosti dalam satu kenyataan hari ini.

Kerjasama di bawah MoU itu termasuk pertukaran personel bagi tujuan belajar, program latihan, pembekalan kelengkapan dan sumber, pembangunan kaedah analisis dan maklumat pertukaran akademik, kata kenyataan itu.

NFS, mempunyai kepakaran dalam membekal laporan analisis dari bukti yang dikumpul dan merupakan agensi terkemuka yang membekal analisis Forensik Digital kepada pelbagai pemegang kepentingan di negara itu.

Menurut Mosti ini amat selari dengan peranan dan fungsi Cybersecurity Malaysia dalam menyediakan analisis Forensik Digital kepada pemegang kepentingan di Malaysia, terutama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang.

Ia berkata sejak beberapa tahun ini, Cybersecurity Malaysia telah membina dengan jayanya perhubungan dengan beberapa organisasi di Korea Selatan, iaitu Myung Information Technology (Myung IT) Co. Ltd, Korea Internet Security Agency (KISA), dan Knowledge Information Security Industry Association (KISIA).

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**



## **UTP Anjur Persidangan Saintifik Ke-23 Persatuan Mikroskopi M'sia 2014**

SERI ISKANDAR, 11 Dis (Bernama) -- Universiti Teknologi Petronas (UTP) hari ini menganjurkan Persidangan Saintifik ke-23 Persatuan Mikroskopi Malaysia 2014.

Ini adalah kali pertama UTP menganjurkan persidangan itu yang mengumpulkan pakar dan penyelidik untuk membentangkan dan membincangkan perkembangan terkini dalam aspek asas dan gunaan mikroskopi serta keperluan pada masa depan.

Timbalan Naib Canselor Akademik UTP, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohd Hani dalam ucapannya berkata persidangan bertemakan 'Microscopy: Seeing at the Nanoscale' mengumpulkan pakar-pakar dan komuniti saintis dari pelbagai universiti dan institusi penyelidikan di Malaysia dalam semua aspek mikroskop berkaitan bidang sains fizikal dan kehidupan.

Beliau berkata sejak UTP diwujudkan pada 1997, ia komited bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang serba boleh, diterima baik oleh industri tetapi juga untuk menempatkan UTP sebagai universiti penyelidikan bertaraf dunia.

"Untuk merealisasikan aspirasi ini, memupuk budaya penyelidikan dan meningkatkan aktiviti penyelidikan adalah penting untuk menyokong pertumbuhan pesat dalam inovasi dan teknologi selaras dengan Pelan Transformasi Kerajaan," katanya.

Ahmad Fadzil berkata selaku pengajur persidangan saintifik itu, UTP memainkan peranan penting untuk meningkatkan penjenamaan dan rangkaianya dalam kalangan universiti awam, dengan itu melonjakkan UTP dalam misinya menjadi sebuah universiti yang diiktiraf dan pusat penyelidikan.

Persidangan tiga hari itu dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2014 (KHAMIS)**



## **Sultan Perak Dahului 102 Penerima Darjah Dan Bintang Kebesaran Selangor**

SHAH ALAM, 11 Dis (Bernama) -- Sultan Perak Sultan Nazrin Shah mendahului senarai 102 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena Hari Keputeraan ke-69 Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada Khamis.

Sultan Nazrin dikurnia Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K.) manakala Tengku Panglima Besar Selangor, Tengku Abdul Samad Shah pula menerima Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K.II).

Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor menerima Darjah Kelas Pertama - Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) membawa gelaran 'Datuk Seri'.

Turut menerima S.P.M.S. ialah Ketua Pegawai Eksekutif Petronas yang juga Pro-Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran itu berlangsung di Istana Alam Shah, Klang.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji Tan Sri Ismee Ismail merupakan penerima tunggal Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.)(Kelas Pertama) tahun ini yang membawa gelaran 'Datuk Setia'.

Dua anggota Exco kerajaan negeri Selangor mendahului senarai 11 penerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.)(Kelas Kedua) yang membawa gelaran 'Datuk' bagi lelaki dan 'Datin Paduka' bagi wanita iaitu Iskandar Abdul Samad, yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor dan Dr Ahmad Yunus Hairi.

Penerima lain D.P.M.S. ialah Duta Malaysia Ke London Datuk Ahmad Rasidi Hazizi; Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Luar Datuk Rustam Yahaya; Panglima Latihan dan Doktrin Tentera Darat, Mejaz Jeneral Datuk Suhaimi Mohd Zuki, Panglima Armada merangkap Panglima Bantuan Markas Pemerintahan Armada Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Laksamana Madya Datuk Mohamad Roslan Mohd Ramli; Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Markas Tentera Darat, Mejaz Jeneral Datuk Shahrani Mohd Sany.

Pengarah Urusan NRY Architects Sdn Bhd Datuk Mohamed Nazim Tun Abdul Razak; Profesor Pejabat Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohd Azmi Mohd Lila, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Ahmad Zaharin Mohd Saad dan Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Ir Abdul Ghani Hashim.

Seramai 13 orang menerima Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.)(Kelas Kedua) yang membawa gelaran 'Datuk' bagi lelaki dan 'Datin Paduka' bagi wanita.

Mereka ialah Tengku Seri Andika Diraja Tengku Iskandar Shah Tengku Ismail Shah; Ketua Pengarah Jabatan Arah Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Brig Jen Nazri Abu Bakar; Panglima Markas 5 Briged Kem Lok Kawi, Sabah Brig Jen Jalaluddin Manan, Pengarah Jabatan Penjara Sungai Buloh Timbalan Komisioner Penjara Narander Singh a/l Chand Singh; Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif Jabatan Pengangkutan Jalan Ir Mohamad Dalib; Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Brunsfield International Group Tan Sri Dr Ir Gan Thian Leong.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif KWASA Land Sdn Bhd Mohamad Lotfy Mohamad Noh; Pengerusi Kumpulan Peranggang Selangor Berhad Raja Idris Raja Kamarudin; kartunis Datuk Mohammad Nor Khalid atau Lat; Perunding Pakar Kanak-kanak Ramsay Pusat Perubatan Sime Darby Dr Lee Eng Lam, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Dr Dahlia Rosly; Pengarah Audit Jabatan Audit Negara Ong Swee Leng dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Selangor, Mohamad Yasid Bidin.

Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S.), seramai 14 orang menerima darjah tersebut iaitu Naib Presiden Yayasan Malaysia-Amerika yang juga kerabat Diraja Selangor Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail; Pengarah Apex Group of Companies Tengku Datuk Yusof Tengku Zainal Karib Shah; Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam Slamat Yahya dan Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Muhammad Farhan Wijaya.

Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Dr Abdul Shukor Juraimi; Felo Penyelidikan UPM Prof Dr Yoshihito Shirai; **Pengarah Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia Dr Kamarruddin Asri;** Pengarah Eksekutif Bahagian EKO Pelaburan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) Jaswant Singh a/l Jai Singh; Timbalan Pengarah Unit Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan Kementerian Kesihatan Dr Rozita Halina Tun Hussein.

Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pengangkutan Malaysia Mano a/l Verabathan; Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor Siti Zaleha Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor Mohamed Izam Mohamed Yusof; Pengurus Kanan Pembangunan Bisnes PKNS Norzila Sidek; dan pelukis '22 keping Karya Siri Menghadap Sultan Koleksi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor' Haron Mokhtar.

Sementara itu, seramai 14 orang menerima Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S) dan 20 penerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) termasuk tiga atlet yang memenangi pingat emas Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan iaitu Syakilla Salni Jefry Krisnan@Krisnamurthy (karate); Ahmad Syukri Abdul Aziz (perahu layar); dan Mohamad Faizal Norizan (perahu layar).

Selain itu, 18 orang menerima Darjah Kebesaran Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S) dan tujuh orang menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C).

-- BERNAMA